



## KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

### NOTIS PEMBERITAHUAN

#### PENCALONAN UNTUK PEMILIHAN PERWAKILAN KAWASAN 3 KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-70 & KE-71

Kepada:

Para Anggota yang dihormati

Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan 3. Satu perkara dalam agenda adalah pemilihan Perwakilan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-70 & Ke-71 Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad. Tarikh dan tempat mesyuarat akan dimaklumkan kemudian melalui Notis Mesyuarat Agung Kawasan 3.

Untuk makluman anggota, bilangan perwakilan Kawasan 3 adalah seperti dibawah:-

KAWASAN	BAHAGIAN	BILANGAN PERWAKILAN
3	Bahagian Bintulu, Miri dan Limbang.	13 orang

Oleh itu, anggota di kawasan tersebut di atas yang berminat untuk menjadi Perwakilan dijemput untuk mengambil Borang Pencalonan Sebagai Calon Perwakilan (KKSB/MAK/BPCP-2024) daripada Ibu Pejabat, Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad, Kuching atau mana-mana Pejabat Cawangan yang berdekatan pada waktu bekerja.

Borang Pencalonan Sebagai Calon Perwakilan (KKSB/MAK/BPCP-2024) boleh juga dimuat turun dari halaman web koperkasa [www.koperkasa.com.my](http://www.koperkasa.com.my) (sila klik pautan muat turun) mulai **25 MAC 2024** hingga **1 APRIL 2024**.

#### TARIKH BORANG MULA DIKELUAR

(Mengambil Borang)

TARIKH	HARI	JAM / MASA	
25 MAC 2024 (ISNIN) HINGGA 28 MAC 2024 (KHAMIS)	ISNIN - KHAMIS	PAGI	: 8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI
		PETANG	: 1.00 PTG - 3.00 PTG
1 APRIL 2024 (ISNIN)	ISNIN	PAGI	: 8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI
		PETANG	: 1.00 PTG - 3.00 PTG

TARIKH TUTUP PENGHANTARAN BORANG

TARIKH	HARI	JAM / MASA
1 APRIL 2024	ISNIN	3.00 PTG

SYARAT-SYARAT PENGHANTARAN BORANG

1. Borang pencalonan hendaklah dihantar oleh calon sendiri, WAKIL TIDAK DIBENARKAN;
2. Borang boleh dihantar terus ke Ibu Pejabat atau mana-mana pejabat cawangan yang terdekat;
3. Hanya penghantaran melalui faks daripada Pejabat Cawangan dibenarkan;
4. Bagi mengelak sebarang kesulitan, calon diminta membaca dan meneliti syarat-syarat dalam borang pencalonan sebelum mengisinya.

CABUTAN NOMBOR CALON

1. Nombor calon akan ditentukan dengan cara cabutan nombor;
2. Semua calon diminta untuk hadir semasa sesi cabutan Nombor Calon pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 3 April 2024 (Rabu)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

Tingkat 1, Lot 2488,

Jalan Boulevard Centre,

98000 Miri, Sarawak.


3. Jika ada calon yang tidak hadir, maka cabutan nombor calon bagi calon berkenaan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengundian dan keputusan adalah muktamad.

Calon-Calon akan dihubungi dari masa ke semasa sekiranya ada perubahan dan informasi tambahan.

Kerjasama anggota-anggota amatlah dihargai.

Sekian, dimaklumkan.

Dengan perintah Anggota Lembaga  
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

  
(OTHMAN BIN BUJANG BBS)  
Setiausaha

s.k: Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Negeri Sarawak

Tarikh: 4 Mac 2024